

**PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK
BAGI TAHUN 2016
(SEHINGGA 30 NOVEMBER 2016)**

Kami beriltizam untuk memberi perkhidmatan berkualiti seperti berikut :

Bil	Janji	PENCAPAIAN 2016 (SEHINGGA 30 NOVEMBER 2016)	PERATUSAN PENCAPAIAN
1	Mengemukakan keputusan permohonan dan cadangan projek yang lengkap dalam masa 3 bulan.	Sehingga 30 November 2016, sebanyak 19 permohonan dan cadangan projek diterima dan dikemukakan keputusan dalam masa 3 bulan.	100%
2	Memberi input serta pandangan dari sudut sosio ekonomi yang diperlukan oleh jabatan/ agensi lain dalam masa 14 hari bekerja	Sehingga 30 November 2016, tiada input serta pandangan dari sudut sosio ekonomi diberi dalam tempoh 14 hari bekerja.	Tiada
3	Mengendalikan 15 jenis majlis-majlis rasmi Kerajaan Negeri dalam tempoh setahun dengan teliti dan berkesan mengikut peraturan serta atur cara yang ditetapkan dari masa ke masa.	Sehingga 30 November 2016, sebanyak <u>14</u> majlis-majlis rasmi Kerajaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan atur cara yang ditetapkan. Sebanyak <u>12</u> surat penghargaan telah diterima daripada pelanggan.	100%
4	Semua baucar pembayaran yang teratur akan dibayar dalam tempoh 10 hari daripada tarikh penerimaan invois yang lengkap.	Sehingga 30 November 2016, sebanyak <u>22,466</u> baucar telah dikeluarkan dan dibuat bayaran mengikut tempoh yang ditetapkan.	100%
5	Semua permohonan pinjaman pendidikan Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan yang lengkap akan diproses dan diputuskan dalam tempoh lima (5) bulan selepas tarikh tutup permohonan.	Sehingga 30 November 2016, Pinjaman Pengajian Tinggi Negeri Perak telah menjalankan Majlis Penyerahan Cek Pinjaman Pengajian Tinggi bagi peringkat Ijazah, Sarjana dan PHD kepada seramai 392 orang pelajar pada 25 Ogos 2016.	100%

Bil	Janji	PENCAPAIAN 2016 (SEHINGGA 30 NOVEMBER 2016)	PERATUSAN PENCAPAIAN
6	Memastikan Mesyuarat Dewan Negeri diadakan tiga (3) kali setahun	Jangkaan - 3 kali Mesyuarat Pencapaian - 3 kali Mesyuarat	100 %
7	Memastikan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) diadakan sebanyak tiga puluh enam (36) kali setahun.	Mesyuarat MMK Jangkaan - 33 kali Mesyuarat MMK diadakan - 42 kali Bilangan Kertas Mesyuarat - 1769 kertas	127 % (100 %)
8	Memproses dan mengemukakan permohonan pengesahan dalam perkhidmatan, pemberian taraf berpencen dan pelanjutan tempoh percubaan ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dalam tempoh lima belas (15) hari bekerja.	Sehingga 30 November 2016 , sebanyak 535 permohonan urusan perkhidmatan telah dilaksanakan dalam tempoh 15 hari bekerja dengan pecahan seperti berikut : <ul style="list-style-type: none"> • Pengesahan Dalam Perkhidmatan: 335 permohonan • Pemberian Taraf Berpencen : 156 permohonan • Pelanjutan Tempoh Percubaan : 44 permohonan 	100%
9	Memproses kelulusan keluar negara bagi kumpulan sokongan pelaksana gred 40 ke bawah, bagi permohonan yang lengkap dalam masa 7 hari bekerja.	Sehingga 30 November 2016 sebanyak 210 permohonan keluar negara telah diproses dalam tempoh 7 hari bekerja setelah menerima permohonan yang lengkap sehingga mendapat kelulusan daripada YB SUK/TSUK(Pengurusan) atau SUB BPSM.	100%

Bil	Janji	PENCAPAIAN 2016 (SEHINGGA 30 NOVEMBER 2016)	PERATUSAN PENCAPAIAN
10	Mendaftar permohonan pembelian rumah kos rendah melalui Sistem Pendaftaran Terbuka dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.	Sebanyak 3,349 permohonan telah berjaya didaftarkan dalam tempoh 7 hari bekerja.	100 %
11	Memaklumkan keputusan temu duga penyewaan perumahan rakyat dalam tempoh 14 hari bekerja.	Sebanyak 761 pemohon telah dimaklumkan keputusan temu duga penyewaan perumahan rakyat dalam tempoh 14 hari bekerja	100 %
12	Menyelesaikan aduan kerosakan bagi Program Perumahan Rakyat Disewa dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja daripada tarikh pertemuan dengan pengadu.	Sebanyak 576 aduan kerosakan telah dapat diselesaikan dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja.	100 %
13	Memproses tuntutan Sumbangan Membantu Kadar (SMK) Kerajaan Negeri dalam tempoh 10 hari bekerja selepas menerima dokumen lengkap daripada 17 PBT. (Termasuk DBKL dan MPPP).	Sehingga 30 November 2016, 16 PBT telah mengemukakan tuntutan SMK dan pembayaran telah dibuat dalam tempoh piagam.	100%
14	Mengagihkan peruntukan projek-projek pembangunan kepada pihak berkuasa tempatan dilaksanakan dalam masa tiga (3) hari dari tarikh penerimaan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri.	Sehingga 30 November 2016 Peruntukan Negeri untuk 15 PBT Perak sebanyak RM3.89 juta telah diagihkan. Peruntukan Persekutuan sebanyak 20.91 juta telah diterima dan diagihkan kepada PBT.	100%
15	Memanjangkan aduan yang diterima daripada pengadu ke jabatan/agensi berkaitan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.	Sehingga 30 November 2016 sejumlah 166 aduan telah diterima dan semua aduan tersebut telah dipanjangkan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.	100%

Bil	Janji	PENCAPAIAN 2016 (SEHINGGA 30 NOVEMBER 2016)	PERATUSAN PENCAPAIAN
16	Mengemukakan penemuan audit/ Laporan yang seimbang dan bebas kepada Jawatankuasa Audit pada setiap suku tahun.	Laporan penemuan audit telah disiapkan dan akan dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bilangan 4 Tahun 2016 pada 27 Disember 2016.	100%